

## Bacaan Intertekstual Terhadap *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*: Kajian Menurut Kaedah Ekserp

MOHD SHOLEH SHEH YUSUFF & MOHD NIZAM SAHAD

### ABSTRAK

*Tafsīr Nūr al-Iḥsān* merupakan tafsir kedua selepas *Tarjumān al-Mustafid* yang ditulis dalam bahasa Melayu pada abad ke-19 Masihi oleh Syeikh Muhammad Sa'id bin Umar. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengesan dan memperlihatkan pengaruh sumber teks luar yang terdapat di dalam teks *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*. Proses menganalisis *Tafsīr Nūr al-Iḥsān* akan menggunakan bacaan intertekstual dengan memberi tumpuan kepada kaedah ekserp. Dari sudut metodologi penyelidikan, kajian ini berbentuk kaedah analisis teks dan juga lapangan yang menggunakan pendekatan subjektif bagi melihat data secara deskriptif dan kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat sebelas buah karya yang telah mempengaruhi intipati teks *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*, iaitu *Tafsīr al-Jalālyn*, *Tafsīr al-Jamal*, *Tafsīr al-Bayḍāwī*, *Tafsīr al-Khāzin*, *Tafsīr al-Baghawī*, *Tafsīr al-Tabarī*, *Tafsīr al-Qurṭubī*, *Tafsīr al-Rāzī*, *Tafsīr al-Nasafī*, *Tafsīr Ibn Kathīr*, dan *Tafsīr al-Tha'labī*. Dapatan analisis juga membuktikan bahawa karya yang mendominasi Teks *Tafsīr Nūr al-Iḥsān* ialah *Tafsīr al-Jamal*.

*Kata kunci:* *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*, Syeikh Muhammad Sa'id, kaedah analisis teks, bacaan intertekstual, kaedah ekserp, *Tafsīr al-Jamal*

### ABSTRACT

*Tafsīr Nūr al-Iḥsān* is the second interpretation after *Tarjumān al-Mustafid* written in the Malay language in the 19th century AD by Sheikh Muhammad Sa'id ibn Umar. The main objective of this study is to identify the influence of the external source in the text of *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*. Intertextual reading is used in the process of analyzing *Tafsīr Nūr al-Iḥsān* based on the excerpt method. In term of the research methodology, this study is using a document analysis and field work with the subjective approach which are descriptive and qualitative data. The study found eleven literatures that have influenced the essence of *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*, which are *Tafsīr al-Jalālyn*, *Tafsīr al-Jamal*, *Tafsīr al-Bayḍāwī*, *Tafsīr al-Khāzin*, *Tafsīr al-Baghawī*, *Tafsīr al-Tabarī*, *Tafsīr al-Qurṭubī*, *Tafsīr al-Rāzī*, *Tafsīr al-Nasafī*, *Tafsīr Ibn Kathīr*, dan *Tafsīr al-Tha'labī*. The finding of the analysis also shows that *Tafsīr Nūr al-Iḥsān* is mostly influenced by *Tafsīr al-Jamal*.

*Key words:* *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*, Syeikh Muhammad Sa'id, document analysis, intertextual reading, excerpt method, *Tafsīr al-Jamal*

### PENGENALAN

Penulisan karya Islam dan terjemahan ke dalam bahasa Melayu berkembang seawal kedatangan Islam lagi ke Nusantara ini. Ia melibatkan pelbagai bidang dan cabang ilmu seperti fiqah, akidah, tafsir, hadis, tasawuf dan sebagainya. Karya-karya ulama silam ini tetap dirujuk dan digunakan oleh para sarjana semasa untuk tujuan ilmiah (Mohd Nazimi Zaim 2010: 2). Hal ini membuktikan kejayaan ulama terdahulu yang menghasilkan penulisan yang menarik minat dan memberi manfaat kepada masyarakat umum. Salah seorang dari ulama tersebut ialah Syeikh Muhammad Sa'id bin Omar Qāḍī Jitra al-Qadhi yang merupakan salah seorang tokoh ulama yang telah menghasilkan karya dalam bidang tafsir berbahasa Melayu tulisan jawi yang berjudul *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*.

*Tafsīr Nūr al-Iḥsān* ini menjadi rujukan dalam memahami ayat-ayat al-Qur'an bukan sahaja oleh orang awam bahkan juga para ilmuan semasa yang turut menggunakannya sebagai bahan pengajaran kepada masyarakat (Mohd Nazimi Zaim 2010: 2). Karya yang bernilai tinggi ini telah banyak memberi sumbangan keilmuan kepada orang ramai sehingga menyebabkan para sarjana tertarik untuk mengkaji dan membuat penelitian terhadapnya dari pelbagai aspek seperti sejarah, bahasa, pengaruh dan ketokohan pengarang.

*Tafsīr Nūr al-Iḥsān* juga merupakan sebuah tafsir al-Quran yang masih digunakan sebagai bahan pengajaran dan rujukan sehingga sekarang terutamanya di institusi-institusi pengajian pondok, di masjid-masjid dan di surau-surau. Sebagai contoh pengajian mingguan di Pondok Tuan Guru Haji Bakar Parit Panjang, Baling, Kedah dan Pondok Tuan Guru

Haji Soleh Musa di Sik, Kedah. Walaupun begitu, terdapat banyak kritikan terhadap kandungan *Tafsīr Nūr al-Ihsān* diperkatakan dalam kalangan masyarakat di mana sebahagian mereka telah mempertikaikan pentafsiran yang dibuat oleh pengarang di samping mendakwa bahawa beliau tidak menyatakan sumber rujukan. Contohnya, Mohd Nazimi Zaim (2010: 4) yang merupakan salah seorang pengkaji kandungan *Tafsīr Nūr al-Ihsān* berpendapat bahawa penulisan karya ini mempunyai kekurangan kerana terdapat kekurangan gaya penulisan yang tidak dinyatakan sumber ambilan fakta dan kekurangan yang disebabkan pengarang banyak menggunakan pendapat yang tidak berasas di dalam pentafsirannya. Begitu juga dengan Muhammad Ismi (2003: 23) yang menyatakan keraguannya terhadap kisah-kisah yang terdapat di dalam *Tafsīr Nūr al-Ihsān* kerana pengarang tidak menerangkan sumberambilannya secara jelas. Justeru, masyarakat perlu berhati-hati ketika membaca dan merujuk karya ini.

Oleh kerana *Tafsīr Nūr al-Ihsān* digunakan sebagai bahan pengajaran dalam tafsiran al-Qur'an dan rujukan masyarakat dalam memahami ayat-ayat suci al-Qur'an, maka usaha pemurnian karya ini wajar dilakukan. Salah satu bentuk usaha tersebut adalah melalui kajian yang menggunakan pendekatan intertekstual yang akan merungkai dan mengenalpasti sumber ambilan teks yang telah dirujuk oleh pengarang dalam membina teksnya sendiri. Selain itu, pendekatan intertekstual juga boleh membantu kajian mencari signifikasi teks yang kadang-kadang tersembunyi dan tidak diucapkan oleh pengarang (Mana Sikana 1999: 82). Dalam pada itu, pemilihan pendekatan intertekstual dalam menjalankan kajian ini adalah disebabkan ia memberi penekanan seimbang kepada unsur-unsur dalaman dan luaran dalam membina karya. Pengaruh dalaman seperti idea dan corak penyusunan karya pengarang berserta pengaruh luaran seperti teks dari karya lain yang wujud di dalam *Tafsīr Nūr al-Ihsān* turut menjadi aspek dalam kajian. Hal yang demikian itu menjadi matlamat penelitian terhadap karya ini iaitu bagi membuktikan sama ada wujud pengaruh teks lain kepada teks *Tafsīr Nūr al-Ihsān* melalui pendekatan intertekstual.

Sungguhpun sepatutnya kajian hubungan dan rantaian teks perlu dikaji secara menyeluruh, namun kajian ini hanya memberi fokus kepada pengaplikasian kaedah ekserp terhadap teks *Tafsīr Nūr al-Ihsān* sebagai satu usaha awal ke arah pemurnian karya tersebut dan juga sebagai contoh kebolehan mengaplikasikan pendekatan intertekstual

kepada karya ini, yang seterusnya boleh dikembangkan kepada aspek-aspek lain, yang pastinya menyumbang ke arah kesempurnaan karya tersebut. Oleh sebab pengarang *Tafsīr Nūr al-Ihsān* menyatakan bahawa beliau hanya merujuk karya dalam bidang tafsir ketika proses penulisan (Muhammad Sa'id 1970: 2), artikel ini menumpukan kajian kepada karya tafsir sahaja.

Dari sudut metodologi pula, kajian ini menggunakan kaedah analisis teks bagi mengenalpasti pengaruh teks dari karya lain yang terdapat di dalam *Tafsīr Nūr al-Ihsān*. Selain itu, kajian lapangan yang menggunakan pendekatan subjektif juga digunakan. Menerusi pendekatan ini, pengaruh luaran seperti dialek percakapan pengarang dan masyarakat Jitra semasa *Tafsīr Nūr al-Ihsān* dihasilkan dikenalpasti melalui pemerhatian terhadap latar belakang dan perilaku Syekh Muhammad Sa'id yang telah mempraktikkan dialek percakapan berkenaan di dalam karya tersebut. Pendekatan ini juga berfokus kepada aktiviti masyarakat setempat selaku pesawah yang turut diterjemahkan oleh pengarang di dalam karyanya. Penggunaan pendekatan subjektif adalah bertujuan meneliti data-data yang diperolehi secara deskriptif iaitu membuat kesimpulan dengan melakukan analisis dan perbandingan terhadap data-data berkenaan dan kualitatif dalam mendedahkan teks karya yang berkualiti dan bermutu.

#### KAEDAH BACAAN INTERTEKSTUAL

Bacaan intertekstual pada awalnya dikenali sebagai dialogik yang mula diasaskan oleh Bakhtin pada tahun 1926 kerana terdapat banyak karya sastera Rusia yang sukar difahami pada ketika itu. Justeru, teori ini diperkenalkan bertujuan untuk memudahkan pembaca memahami karya-karya yang sukar itu. Teori ini menggambarkan bahawa semua karya yang telah dihasilkan adalah berdasarkan dialog antara sesuatu teks dengan teks yang lain. Maksud teori ini dengan bahasa yang lebih mudah ialah suatu teks itu tidak dapat tidak dipengaruhi oleh teks-teks yang lain. Harari (1979: 77) menyatakan; "*Every text, being itself the intertext of another text, belong to the intertextual, which must not be confused with a text's origins*".

Asas teori dialogik ini digunakan bagi memahami karya-karya Dostoyevsky seperti *The Gambler*, *The Idiot* dan *The Brother's Karamazov* yang dikatakan sukar difahami oleh masyarakat melalui teori-teori sastera seperti formalisme yang berkembang ketika

itu (Dostoyevsky 1975: 1). Pendekatan formalisme Rusia yang berkembang pada waktu itu ternyata tidak membantu masyarakat memahami karya Dostoyevsky ini. Dialogisme Bakhtin ini menekankan aspek luaran yang mempengaruhi pembacaan atau bagaimana pengarang mendekati sesebuah karya sastra dan selepas itu secara naluriah pula akan mengalir ke dalam karya yang dihasilkan. Namun, beliau juga tidak menafikan tentang pentingnya unsur-unsur dalaman seperti tema, pemikiran, plot, perwatakan dan lain-lain.

Dalam teori dialogisme ini pengarang akan berdialog dengan teks itu sendiri, dirinya dan pembaca. Ini akan menimbulkan dialog antara teks dengan teks dan mengakibatkan berlakunya perubahan, penentangan dan perluasan dalam karya yang sedang diolah oleh pengarang sama ada dari segi tema dan persoalan, plot atau watak dan perwatakan. Dalam kata lain, teks yang sedang dihasilkan terpengaruh dengan teks yang pernah dihasilkan, namun teks yang telah dihasilkan itu tidak semestinya dipengaruhi pula oleh teks yang sedang atau akan dihasilkan. Justeru, maksud pendekatan ini ialah wujud hubungan satu hala antara teks baharu dengan teks sedia ada dan bukan sebaliknya. Oleh itu, hubungan antara struktur luaran dan dalaman dalam sesebuah karya amat penting dalam pendekatan ini. Menurut Schmitz (2007: 66-67) ayat-ayat yang digunakan oleh seseorang dalam pengucapan atau tulisan berhubung kait dengan ucapan atau tulisan sebelumnya sama ada dari orang lain atau dirinya sendiri dan jika tiada pergantungan tersebut menyebabkan sesuatu ayat atau pengucapan itu menjadi suram dan tidak dapat dikembangkan. Schmitz (2007: 66-67) mengulas;

*“Language always works within certain situations, and utterances produce their significance within thin context. The linguistic material alone is not enough to determine whether a word or a sound is enthusiastic, gloomy, ironical, threatening, or deferential; rather, this depends on a number of factors such as intonation, volume, the interlocutor, and prior utterances in the dialogue”*

Teori ini kemudiannya dibincangkan oleh Julia Kristeva (1970) menerusi sebuah tesis yang bertajuk *La revolution du Langage Poetique* (Revolusi Bahasa Puisi) untuk ijazah Doktor Falsafah di L’Ecole Pratique des Hautes Etudes, Paris. Namun, Kristeva tidak menamakan teori ini sebagai dialogik. Sebaliknya, beliau mengistilahkannya kepada intertekstualiti. Hawthorn (2000: 117) memberitahu

bahawa setiap teks yang dihasilkan terpengaruh dengan teks-teks yang lain dan pengaruh inilah dibahaskan dalam teori intertekstual. Oleh itu, pembaca tidak seharusnya menjadi keliru dengan teks asal yang menjadi hipogram terhadap teks tersebut. Hawthorn (2000: 117) menjelaskan; *“Kristeva defines the text as a permutation of texts, an intertext in the space of a given text...”*.

Perkembangan teori ini bukan sahaja berlaku di Eropah, bahkan meluas di seluruh dunia. Di Asia Tenggara, ia turut dibincangkan sebagai salah satu teori kesusasteraan moden di mana salah seorang sarjana dalam bidang kesusasteraan bernama Partini Sardjono telah mengembangkan teori ini. Beliau bukan sahaja berdiri di atas prinsip-prinsip Kristeva, malah telah memperkenalkan satu lagi bentuk kaedah yang diistilahkan sebagai ekserp. Kaedah ini berlaku apabila seorang penulis membaca sebuah karya tertentu lalu beliau mengambil sebahagian teks dari karya berkenaan dan memuatkannya pula ke dalam karya yang sedang beliau hasilkan. Walaupun begitu, teks yang diambil adalah dari segi maksudnya sahaja sedangkan teks baharu yang dihasilkan itu berbeza dengan teks asal. Setelah itu, lahir pula nama-nama baru di Indonesia seperti Teeuw, dan Umar Junus. Manakala di Malaysia dan Singapura, teori ini mula dikenali setelah Mana Sikana membincangkannya menerusi beberapa buah buku, khususnya tesis Doktor Falsafah yang bertajuk: *Tuah Jebat Dalam Drama Melayu: Satu Kajian Intertekstualiti*. Di dalam tesis ini, beliau bukan sahaja membincangkan pendekatan ini secara panjang lebar, bahkan mengaplikasikannya dalam *Hikayat Hang Tuah* (Wan Nasyrudin Wan Abdullah 2008: 12).

#### BENTUK-BENTUK KAEDAH DALAM PENDEKATAN INTERTEKSTUAL

Berdasarkan penelitian terhadap buku yang berjudul *Desire in Language: A Simeotic Approach to Literature and Art* (1980) oleh Julia Kristeva dan *Kakawin Gajah Mada* (1986) oleh Partini Sardjono, terdapat 10 bentuk kaedah dalam pendekatan intertekstual yang kerap berlaku dalam sastra dan manifestasi yang terbayang dalam cara penulisan seseorang, iaitu:

1. *Transformasi* ialah pemindahan, penjelmaan atau penukaran sesuatu teks kepada teks yang lain sama ada secara formal atau abstrak (Kristeva 1980: 80).
2. *Prinsip modifikasi* berlaku apabila pengarang membuat penyesuaian, perubahan atau pindaan

- terhadap sesuatu teks dalam sesebuah teks. Prinsip ini berlaku disebabkan timbulnya keinginan pengarang untuk mengambil atau meniru sesebuah teks ke dalam teksnya serta menyesuaikan mengikut kehendak masyarakat, budaya, politik dan pemikiran pembaca (Kristeva 1980: 90).
3. *Ekspansi* berlaku apabila pengarang membuat peluasan atau pengembangan terhadap sesuatu teks. Contohnya, sebuah cerpen diolah dan dikembangkan oleh pengarang sehingga ia menjadi sebuah novel yang lengkap (Kristeva 1980: 90).
  4. *Demitefikasi* bermaksud penentangan terhadap pengertian dalam teks sesebuah karya yang mundur yang muncul lebih awal. Pengarang mempersoalkan teks tersebut sebelum melakukan penentangan (Kristeva 1980: 103).
  5. *Haplologi* terjadi apabila berlaku penguguran ketika kehadiran teks-teks ke dalam sesebuah teks. Proses ini berlaku ketika pemilihan dan penyuntingan yang bertujuan untuk menyesuaikan sesebuah teks demi keharmonian sesebuah karya (Kristeva 1980: 25).
  6. *Ekserp* berlaku apabila teks yang digunakan adalah sama atau mungkin sama dengan intisari sebahagian, suatu petikan, suatu episod atau aspek dari hipogram atau tipa induknya (Partini Sardjono 1986: 63).
  7. *Parallel* terjadi apabila berlaku persamaan atau kesejajaran antara satu teks dengan teks yang lain dari segi tema, pemikiran atau bentuk teks itu sendiri. Prinsip parallel memperlihatkan unsur-unsur keselarian dan kesejajaran teks dalam sesebuah teks. Walaupun begitu, pengarang perlu menyatakan sumberambilannya supaya teks yang diambil itu tidak dianggap plagiat (Kristeva 1980: 91).
  8. *Konversi* terjadi apabila berlaku pemutarbalikan tipa induk atau hipogram atau pun penentangan terhadap teks yang diambil guna. Unsur penentangan ini tidak sama seperti yang terjadi dalam prinsip demitefikasi. Malah ia tidak begitu radikal dan tidak mengalami perubahan yang agresif atau drastik (Kristeva 1980: 107).
  9. *Eksistensi* berlaku apabila unsur-unsur yang diwujudkan atau diadakan dalam sesebuah karya berbeza dengan teks hipogramnya. Proses ini berlaku apabila pengarang melakukan sesuatu pembaharuan terhadap karya utama yang menjadi landasan dalam penulisannya (Kristeva 1980: 106-107).

10. *Defamilirasi* ialah unsur luar biasa dalam karya. Ia bermaksud usaha pengarang untuk melahirkan unsur-unsur luar biasa dengan melakukan beberapa perubahan terhadap teks yang telah dibaca seperti penyimpangan dari segi makna atau perubahan peranan watak dalam sesebuah karya (Kristeva 1980: 131).

#### TAFSĪR NŪR AL-IḤSĀN: SATU PENGENALAN

*Tafsīr Nūr al-Iḥsān* merupakan sebuah karya penting yang telah dihasilkan oleh Syeikh Muhammad Sa'id. Beliau mula menghasilkan karya tersebut pada bulan Zulhijjah, 1344 Hijrah bersamaan Januari 1925 Masihi, iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibn al-Marhun Sultan Ahmad Taj al-Din Mukarram Shah (1881-1943), Sultan Kedah yang ke-25. Penulisan karya ini memakan masa selama dua tahun sembilan bulan untuk disiapkan, dan ia telah berjaya diselesaikan pada hari Rabu, satu Rabiul Akhir 1346 Hijrah bersamaan satu Oktober 1927 Masihi (Muhammad Sa'id 1970, jld. 4: 311).

*Tafsīr Nūr al-Iḥsān* mula dicetak dengan cetakan pertamanya pada tahun 1934 Masihi di Mekah oleh Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa Awladih dan cetakan kedua pada tahun 1936 Masihi di Pulau Pinang. Cetakan ketiga karya ini adalah pada tahun 1391 Hijrah bersamaan tahun 1970 Masihi oleh Percetakan al-Muarif Sdn. Bhd, Matba'ah bin Halabi di Fathani dan Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa Awladih di Bangkok, Thailand. Sementara itu, terdapat juga cetakan yang diterbitkan oleh Dar al-Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah, Mesir pada tahun 1349 Hijrah (Mohd Nazimi Zaim 2010: 68). Setiap cetakan *Tafsīr Nūr al-Iḥsān* perlu terlebih dahulu mendapat keizinan daripada waris Syeikh Muhammad Sa'id dan tanda keizinan tersebut dapat dilihat di halaman pertama setiap jilid (Abdul Razak 2010: 3).

*Tafsīr Nūr al-Iḥsān* dihasilkan oleh Syeikh Muhammad Sa'id dalam empat jilid dan setiap jilid disusun mengikut surah-surah al-Qur'an. Jilid pertama merangkumi Surah *al-Fātiḥah* hingga Surah *al-Mā'idah*, jilid kedua merangkumi Surah *al-An'ām* hingga Surah *Hūd*, jilid ketiga merangkumi Surah *al-Kahf* hingga Surah *al-Zumar*, dan jilid keempat merangkumi Surah *al-Mu'min* hingga Surah *al-Nās*. *Tafsīr Nūr al-Iḥsān* agak sukar untuk diperolehi di pasaran dan ia hanya dijual di kedai-kedai buku yang tertentu sahaja. Kebanyakan karya

yang dijual di pasaran Malaysia pada hari ini ialah yang dicetak oleh syarikat dari Bangkok berukuran 26.5 cm x 20 cm (Abdul Razak 2010: 3).

*Tafsir Nūr al-Ihsān* bukan sahaja digunakan sebagai panduan dan rujukan dalam memahami hukum-hukum Islam di bumi Melayu khususnya di negeri Kedah, bahkan di Perak Utara, Seberang Prai Pulau Pinang dan juga di Selatan Thailand (Abdul Razak Abdul Rahman 2010: 2). *Tafsir Nūr al-Ihsān* merupakan sebuah karya tafsir berbahasa Melayu yang dikarang menggunakan tulisan Jawi telah memberi banyak manfaat kepada umat Islam khususnya di Malaysia, di samping ia juga merupakan satu usaha murni Syeikh Muhammad Sa'īd yang telah mewariskannya kepada masyarakat sehingga ke hari ini. Kandungan karya ini adalah lengkap dan menyeluruh mencakupi penerangan seperti *asbab nuzul* ayat, *fadilat-fadilat*, permasalahan fiqah, ayat *al-Mutashabihat*, *al-Nasikh* dan *al-Mansukh* serta kisah-kisah umat terdahulu.

*Tafsir Nūr al-Ihsān* dimulai dengan pendahuluan yang disebut sebagai *Muqaddimah* sebagaimana kebanyakan karya. Walau bagaimanapun pengarang tidak menyatakan metodologi yang digunakan dalam pentafsirannya di dalam pendahuluan ini. Setiap surah dimulai dengan nama surah, status surah sama ada *Makkiyyah* atau *Madaniyyah* di samping disertai dengan bilangan ayat dan sebab dinamakan surah itu jika ada.

Bahasa yang digunakan dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran ialah bahasa Melayu dialek Melayu Kedah. Istilah yang digunakan oleh pengarang dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran di dalam karya ini antaranya adalah yang berhubung kait dengan pekerjaan dan aktiviti masyarakat setempat. Pengarang menggunakan perkataan bendang, perhumaan, pokok padi, dan tanam padi kerana beliau terkesan dengan salah satu pekerjaannya iaitu pesawah (Abdul Razak Abdul Rahman 2010: 2). Negeri Kedah yang mendapat jolokan “Negeri Jelapang Padi” sudah termaklum bahawa rata-rata pekerjaan utama masyarakatnya adalah penanam padi lebih-lebih lagi di dataran Kedah-Perlis (Asmad 1987: 30) dan teks sosial ini menurut pendekatan intertekstual dikenali sebagai pengaruh luaran yang mempengaruhi penghasilan teks *Tafsir Nūr al-Ihsān*.

Selain itu, penggunaan bahasa Arab juga meluas digunakan dalam karya ini. Perkataan-perkataan Arab terlihat di setiap helaian karya bermula jilid yang pertama sehingga jilid yang keempat. Tulisan jawi yang digunakan pula diselangi perkataan-perkataan Arab yang disusuli dengan terjemahannya

di dalam bahasa Melayu, tetapi kebanyakan perkataan Arab itu tiada sebarang tanda ataupun kurungan yang dibuat bagi membezakan antara perkataan Melayu dan Arab. Walau bagaimanapun, terdapat juga terjemahan-terjemahan yang diletakkan di dalam kurungan dan kalimah-kalimah yang langsung tidak diterjemah.

Dalam pada itu, terjemahan ayat yang dibuat adalah dengan gaya bahasa Melayu klasik yang terikat dengan kaedah bahasa Arab. Terjemahan banyak menggunakan struktur ayat songang iaitu struktur ayat yang tidak terikat dengan kaedah subjek-predikat. Penulisan karya ini juga banyak menggunakan struktur ayat pasif yang diwakili oleh imbuhan *di* dan *oleh*, di samping banyak menggunakan perkataan *al-Ma'na*, erti, sebab, maka, kerana, iaitu, dengan, daripada, supaya, seperti, yakni, makna, pada, seumpama, ertinya dan tatkala bertujuan untuk menghurai dan menjelaskan tafsiran-tafsiran yang agak mengelirukan, mengemukakan contoh-contoh atau membawa sesuatu perbincangan yang berkaitan dengan sesuatu tafsiran. Gaya penulisan seperti ini dilakukan oleh pengarang secara konsisten di semua jilid karyanya.

#### PENGAPLIKASIAN KAEDAH EKSERP DALAM *TAFSIR NŪR AL-IHSĀN*

Ekserp merupakan salah satu kaedah yang tersenarai dalam bentuk-bentuk kaedah bacaan intertekstual yang digunakan bagi mengenalpasti sumber teks yang bersifat umum dan abstrak. Kaedah ini terjadi apabila pengarang sesebuah karya menjelmakan maksud sebuah teks dari karya tertentu ke dalam teks yang sedang ditulis. Hal ini berlaku disebabkan pengarang telah terpengaruh dengan bahan bacaan yang dibaca lalu diterjemahkan pula ke dalam teksnya sendiri. Menurut Siti Hajar Che Man (2013), bentuk kaedah bacaan intertekstual yang paling dominan dalam mempengaruhi penulisan sesebuah karya adalah kaedah ekserp. Kaedah ini digambarkan sebagai satu kaedah yang akan teraplikasi di dalam mana-mana karya walaupun pengarang langsung tidak menyedarinya. Sebuah tesis yang dihasilkan dipengaruhi oleh kajian-kajian terdahulu, sebegitu juga dengan artikel, akhbar, buku-buku dan juga novel-novel yang tidak dapat dielak dari dipengaruhi oleh penulisan-penulisan yang sedia ada.

Selain itu, kaedah ini juga sememangnya memberi kesan kepada teks asal. Ketika pengarang mentransformasi sesebuah teks ke dalam teksnya memungkinkan berlaku perubahan dari segi susunan

teks dan bahasa, berlaku penambahan makna atau pengguguran teks. Kaedah ini juga dapat memberi manfaat kepada pembaca di mana pengaplikasian kaedah ini berupaya memberi kefahaman kepada pembaca mengenai maksud sebenar pengarang dalam tulisannya yang mungkin pada zahirnya kelihatan sedikit kekeliruan.

Bersesuaian dengan kajian terhadap karya *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*, kaedah ini juga dapat memantapkan keyakinan pembaca mengenai pentafsiran yang dibuat oleh pengarang setelah sumber asal yang dirujuk oleh pentafsir dikenalpasti, bahkan mengangkat martabat *Tafsīr Nūr al-Iḥsān* setanding dengan karya-karya muktabar yang lain. Contoh pengaplikasian kaedah ini dapat dilihat menerusi tulisan Syeikh Muhammad Sa'id (1970 jld. 1: 68) di dalam *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*, iaitu;

“Dan turun pada kesusahan yang kena orang muslimin pada perang Khandak”

Manakala teks dari *Tafsīr al-Khāzin* (1979, jld. 1: 202) yang merupakan karya asal yang ditransformasi pula;

نزلت في غزوة الأحزاب وهي غزوة الخندق،  
وذلك أن المسلمين أصابهم من الجهد والشدّة  
والخوف والبرد وضيق العيش الذي كانوا فيه  
يومئذ.

Maksudnya: diturunkan pada peperangan Ahzab iaitu peperangan Khandak, bahawa orang Islam telah menimpa mereka itu kesusahan, kepayahan, ketakutan, kesejukan dan kesempitan hidup yang mereka hadapi pada hari itu.

Kedua-dua teks tersebut menjelaskan sebab penurunan ayat yang ke-214 daripada surah al-Baqarah mengisahkan tentang kesusahan yang dihadapi oleh tentera Islam dalam menghadapi peperangan Khandak. Setelah meneliti kedua-dua teks didapati bahawa teks *Tafsīr Nūr al-Iḥsān* adalah lebih ringkas berbanding teks *Tafsīr al-Khāzin*. Walaupun begitu, kedua-dua teks menyatakan maklumat dan maksud yang sama. Melalui kaedah ekserp ini, pembaca dapat mengesan perhubungan antara kedua-dua teks dari segi kesejajaran maksud yang hendak disampaikan, walaupun susunan kedua-dua teks tidak menyamai antara satu sama lain. Oleh yang demikian, pengaplikasian kaedah ekserp dalam menjalankan penelitian ini adalah penting bagi mengenalpasti sumber asal sesuatu teks di dalam teks *Tafsīr Nūr al-Iḥsān* yang bersifat abstrak.

## TAFSĪR NŪR AL-IḤSĀN: SABAB NUZUL AYAT

*Sabab nuzul* merupakan salah satu bahagian yang banyak terdapat di dalam *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*. Pengarang banyak membincangkan *sabab nuzul* ayat pada jilid yang pertama iaitu sebanyak 75 kali dan ungkapan yang kerap digunakannya pula ialah “turun ayat ini” iaitu sebanyak 41 kali. Dua kali pada jilid pertama, lapan kali pada jilid kedua, 11 kali pada jilid ketiga dan 20 kali pada jilid keempat. Contohnya ketika menjelaskan *sabab nuzul* ayat yang ke-11 dari surah al-Hajj;

“Turun ayat ini pada kaum Arab badwi hijrah mereka itu kemudian Islam apabila dapat sihat dan beranak kudanya dan beranak isterinya anak lelaki dan banyak harta kata ia ini agama baik maka tetap ia padanya dan jika kena kesakitan dan dapat anak perempuan dan tiada beranak kudanya sedikit hartanya katanya aku tiada dapat agama ini melainkan jahat maka balik ia kepada kufurnya”

(Muhammad Sa'id 1970, jld. 3: 90).

Teks tersebut memberitahu bahawa ayat ke-11 dari surah al-Hajj membicarakan tentang Arab Badwi pada zaman Baginda s.a.w. yang hanya akan memeluk agama Islam jika keadaan mereka selesa dan tidak ditimpa sebarang musibah. Sebaliknya jika musibah menimpa pula mereka akan kembali mengkufuri Allah s.w.t. Selain itu, pada jilid yang kedua pula sebab nuzul dibincangkan sebanyak 59 kali, jilid ketiga 37 kali dan jilid keempat sebanyak 48 kali menjadikan jilid ketiga sebagai yang paling sedikit dibincangkan. Ungkapan yang hanya sekali sahaja digunakan oleh pengarang pula ialah “telah turun tatakala”, “dan telah turun”, “turun oleh” dan “kerana sebab turun ayat ini ayat itu” pada jilid yang pertama, “turun Jibril dengan”, “maka turun Allah akan”, “maka turun pula”, “turun *burdah* ini” dan “maka turun Allah ‘Azza wa Jalla akan ayat ini” pada jilid kedua, “turun ayat ketika” pada jilid ketiga dan “turun dua ayat ini pada”, “turun wahyu”, “turun surah ini dan surah kemudiannya”, “turun ayat”, dan “ini ayat turun pada” pada jilid yang keempat.

Dalam membincangkan *sabab nuzul* ayat, kaedah ekserp memperlihatkan bahawa Syeikh Muhammad Sa'id telah menggunakan tujuh buah karya ketika proses mentransformasi teks. Karya yang dimaksudkan ialah *Tafsīr al-Jalālyn*, *Tafsīr al-Jamal*, *Tafsīr al-Bayḍāwī*, *Tafsīr al-Khāzin*, *Tafsīr al-Qurṭubī*, *Tafsīr al-Rāzī* dan *Tafsīr al-Nasafī*.

## TAFSĪR NŪR AL-IḤSĀN: HADIS NABAWI

Berkenaan dengan penggunaan hadis pula, terdapat banyak potongan hadis yang dimuatkan ke dalam karya ini. Mohd Nazimi Zaim di dalam disertasinya bertajuk “Kajian Takhrij Hadis Dalam Tafsir Nūr al-Iḥsān” memberitahu bahawa sebahagian hadis yang dimasukkan oleh pengarang tidak mempunyai sanad yang lengkap, bahkan ada sejumlah hadis yang langsung tidak dijelaskan sanadnya. Selain itu, beliau tidak menyatakan status atau penilaian hadis dan tidak menyatakan dengan terperinci sumber hadis tersebut (Mohd Nazimi Zaim 2010: 77). Walaupun begitu, kajian mendapati bahawa terdapat juga hadis yang dinyatakan sumber ambilannya seperti katanya; “Riwayat Hakim pada Mustadrak (Muhammad Sa’id 1970, jld. 2: 114). *Al-Mustadrak ‘Ala al-Sahihyn* ialah sebuah kitab matan hadis yang dikarang oleh Muhammad bin ‘Abd Allah Abu ‘Abd Allah al-Hakim al-Naysaburi (al-Hakim 1997).

Dalam menggunakan sesebuah hadis, Syeikh Muhammad Sa’id turut menjelaskan takhrij ringkas terhadap hadis itu, seperti; *rawāhu al-Hākim, rawa al-Shaykhān*, riwayat akan dia *Shaykhān*, riwayat *Shaykhān*, pada hadis Muslim, pada hadis Abi Daud, riwayat Bukhāri dan Muslim, riwayat Imam Ahmad, riwayat Bukhāri, riwayat Muslim, hadis *al-Shaykhān*, riwayat Bayhaqi, riwayat Abu Nu‘aym, kata Hākim, riwayat Hākim pada Mustadrak, riwayat Ibn Khuzaymah, riwayat Hākim, seperti hadis *Shaykhayn*, seperti pada hadis *Sahihayn*, riwayat Bazzār dan riwayat Tirmidhi. Walaupun begitu, beliau tidak menjelaskan takhrij tersebut terhadap semua hadis.

Salah satu contoh di mana pengarang menggunakan hadis dalam mentafsirkan al-Quran sebagai penegasan bahawa orang kafir apabila mati kelak akan menerima azab berupa himpitan di dalam kuburnya iaitu pada ayat ke-124, surah *Taha*;

(فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا) maka bahawa baginya kehidupan yang sempit. Kata Ibn Abbas iaitu kehidupan dalam maksiat, dan ditafsir pada hadis (مَعِيشَةً ضَنْكًا - آية) dengan azab kafir dalam kuburnya

(Muhammad Sa’id 1970, jld. 3: 65).

Selain itu, apabila Syeikh Muhammad Sa’id menguatkan teksnya dengan memuatkan hadis-hadis tertentu, beliau menggunakan sembilan buah karya iaitu *Tafsir al-Jalālyn*, *Tafsir al-Jamal*, *Tafsir al-Bayḍāwī*, *Tafsir al-Khāzin*, *Tafsir al-Baghawī*, *Tafsir al-Tabarī*, *Tafsir al-Qurtubī*, *Tafsir al-Rāzī*,

dan *Tafsir Ibn Kathīr*. Karya-karya tersebut dapat diketahui dengan berpandukan kaedah ekserp yang telah diaplikasi.

## TAFSĪR NŪR AL-IḤSĀN: SUMBER AL-ISRA’ILYYAT

*Al-Isra’aliyyat* bermaksud data-data yang dipetik oleh ulama tafsir daripada pendeta Yahudi yang telah memeluk agama Islam, begitu juga *al-Nasraniyyat* yang diperolehi dari pendeta Nasrani. Sebahagian sahabat pada zaman Nabi s.a.w. mengambil sedikit data-data tersebut yang berkaitan dengan kisah-kisah umat terdahulu sahaja, tetapi pada zaman *tābi’in* iaitu zaman selepas sahabat pengambilan data-data ini tersebar luas di dalam kitab-kitab tafsir (al-Dhahabi 1977: 24). Ibn Khaldun (2000: 326) menjelaskan bahawa sumber tersebut kebanyakannya datang dari pendeta *Himyar* seperti Ka’ab al-Ahbar, Wahab bin Munabbih dan ‘Abd Allah bin Salam.

Begitu juga dengan karya *Tafsir Nūr al-Iḥsān*, artikel ini memperlihatkan bahawa wujud sumber-sumber tersebut yang dikemukakan oleh Syeikh Muhammad Sa’id di dalam karyanya. Artikel ini membahagikan sumber-sumber tersebut kepada tiga bahagian. Pertama, data-data tentang jumlah bilangan seperti jumlah Bani Isra’il yang keluar dari kampung mereka kerana serangan taun seramai empat ribu atau lapan ribu atau 10 ribu atau 30 ribu atau 70 ribu, umur Nabi Nuh ketika diangkat menjadi rasul ialah 40 tahun atau 50 tahun atau 100 tahun atau 250 tahun dan ukuran dinding yang dijumpai oleh Nabi Musa dan Khidir iaitu tinggi 100 hasta, lebar 50 hasta dan panjang 500 hasta. Kedua, tentang nama-nama tertentu seperti nama-nama orang yang dihidupkan oleh Nabi Isa dalam membuktikan mukjizat baginda iaitu ‘Azir, Ibn al-‘Ajuz dan Ibnat al-‘Ashir, dan nama penuh bagi Ratu Balqis iaitu Balqis bint Sharahil dan ibunya bernama Rihanah bint al-Sakin raja jin. Ketiga ialah tentang kisah umat terdahulu sebelum Nabi Muhammad s.a.w. seperti kisah pada ketika mana Nabi Musa melontar tongkatnya lalu tongkatnya itu berubah menjadi seekor ular berwarna kuning kelabu, kehadiran ular tersebut mengejutkan Firaun sehingga membuatkan dia mengalami cirit-birit yang serius, dan kisah Nabi Yunus yang dimuntahkan ikan paus lalu Baginda didatangi pula oleh seekor kijang betina menyusukan Baginda sehingga kembali bertenaga (Muhammad Sa’id 1970, jld. 3: 83).

Walaupun begitu, terdapat sedikit kelemahan berkenaan riwayat *isra’aliyyat* yang dinyatakan

oleh Syeikh Muhammad Sa'id. Pengarang telah menceritakan kisah syaitan yang menyamar sebagai Nabi Sulaiman a.s lalu merampas kerajaan baginda selama 40 hari dan kisah syaitan memasuki badan ular lalu menyelinap masuk ke dalam syurga bertujuan menghasut Adam a.s dan Hawa supaya menjamah buah *khuldi*, sedangkan kisah tersebut bertentangan dengan akidah Islam dan juga merupakan kisah dongeng. Hal tersebut disebabkan beliau telah menggugurkan dua pernyataan penting dari teks hipogramnya iaitu *Tafsīr al-Jamal* dan *Tafsīr al-Khāzin*. *Tafsīr al-Jamal* yang merupakan karya hipogram bagi kisah pertama menegaskan bahawa kisah tersebut bertentangan dengan akidah yang benar kerana ulama telah bersepakat bahawa syaitan sama sekali tidak berupaya menyerupai para nabi (al-Jamal t.th, jld. 3: 574), tetapi Syeikh Muhammad Sa'id telah menggugurkan pernyataan itu. Manakala kisah kedua pula, al-Khāzin (1979, jld. 2: 216) mengulas bahawa kisah tersebut hanya kisah dongeng orang Arab yang masyhur semasa zaman jahiliyah.

Melalui kaedah ekserp, apa yang ketara ketika mengemukakan *al-Isra'iliyyat* ialah beliau kerap merujuk kepada *Tafsīr al-Jamal* ketika memuatkan kisah *al-Isra'iliyyat* tersebut. Namun terdapat juga karya lain yang digunakannya iaitu *Tafsīr al-Jalālyn*, *Tafsīr al-Bayḍāwī*, *Tafsīr al-Khāzin*, *Tafsīr al-Baghawī*, *Tafsīr al-Qurṭubī* dan *Tafsīr al-Tha'labī*.

#### TAFSĪR NŪR AL-IḤSĀN: NASIKH DAN MANSUKH

'Abd al-Karim Zaydan (1996: 388) mendefinisikan *Al-Nasikh* dengan hukum baharu yang datang menggantikan hukum yang telah ada, manakala *al-Mansukh* pula ialah hukum yang telah dimansuhkan itu. Menurut Nur al-Din 'Atar (1996: 131) pula bahawa para ulama membahagikan *al-Nasikh* dan *al-Mansukh* kepada lima bahagian iaitu hukum yang telah digantikan tetapi ayat berkenaan dengannya dikekalkan, ayat tentang sesuatu perkara digantikan dengan ayat yang lain, ayat al-Qur'an dimansuhkan dengan Hadis Nabi s.a.w., ayat yang dimansuhkan bersama dengan hukumnya dan ayat yang dimansuhkan tetapi hukumnya tetap dilaksanakan.

Di dalam *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*, apabila pengarang membincangkan ayat yang mempunyai hubungan dengan *al-Nasikh* dan *al-Mansukh*, beliau akan menyatakan sama ada ayat tersebut *al-*

*Nasikh* atau *al-Mansukh*. Terdapat 28 tempat di mana pengarang membahaskan persoalan ini iaitu 12 tempat pada jilid yang pertama, empat tempat pada jilid kedua, dua tempat pada jilid ketiga dan 10 tempat pada jilid yang keempat. Pengarang menggunakan 14 ungkapan dalam memberi isyarat bahawa sesuatu ayat itu adalah *al-Nasikh* atau *al-Mansukh* iaitu; ini hukum *mansukh*, kerana *mansukh*, ini ayat *mansukh*, yang tersebut *mansukh* dengan ayat, maka *dimansukhkan* dia, ini *mansukh*, ini dahulu daripada suruh perang, ini ayat *menasakh*, *mansukh*, ini hukum *memansukh* hukum dahulu, kemudian *dimansukh* dengan, kemudian *dimansukhkan* dia, maka *dimansukh* dengan dan maka hukum itu *mansukh*. Sebagai contoh, pengarang telah menyatakan hukum tidak harus memerangi kafir yang enggan memerangi orang Islam yang telah dimansuhkan dengan ayat perintah perang;

“menegah diri mereka itu daripada perang kamu dan mereka itu maka janganlah engkau hadapan pada mereka itu dengan tawan dan bunuh dan ini ayat *menasakh* dengan ayat *sayf*”

(Muhammad Sa'id 1970, jld. 1: 183).

Kaedah ekserp menjelaskan bahawa ketika ayat *Nasikh* dan *Mansukh* dibahaskan, pengarang hanya menggunakan tiga buah karya iaitu *Tafsīr al-Jalālyn*, *Tafsīr al-Khāzin* dan *Tafsīr al-Jamal* dalam menyatakan status ayat al-Quran yang sedang ditafsirkan.

#### TAFSĪR NŪR AL-IḤSĀN: TEKS MENGENAI FADILAT

Teks fadilat yang terkandung di dalam *Tafsīr Nūr al-Iḥsān* terbahagi kepada tiga bahagian iaitu fadilat surah, fadilat ayat, dan fadilat selain surah dan ayat. Dalam membahaskan kelebihan surah, pengarang mendahului dengan ungkapan “kata Ali r.a”, “*fā'idah*”, “sabda Nabi s.a.w.” dan “Riwayat Abu Nu'aym”, di samping kelebihan ayat dengan ungkapan “pada hadis”, “sabda Nabi s.a.w.”, “kata Ali r.a”, “kata setengah ulama”, dan “maka manakala”. Manakala kelebihan selain surah dan ayat pula pengarang menggunakan ungkapan “seperti”, “kata setengah ulama”, “khasiat”, “mengganda-ganda” dan “kata 'Ikrimah”. Kajian berpendapat bahawa kelebihan-kelebihan yang dimuatkan oleh Syeikh Muhammad Sa'id tersebut merupakan salah satu cara yang digunakan untuk



menarik minat masyarakat membaca dan merujuk *Tafsīr Nūr al-Ihsān* kerana ‘Abd al-Latif telah menjelaskan bahawa sudah menjadi salah satu tabiat manusia ialah menggemari sesuatu yang mempunyai kelebihan (Abd al-Latif 1989: 16).

Pengaplikasian kaedah ekserp mengenai teks fadilat yang terkandung di dalam *Tafsīr Nūr al-Ihsān* menunjukkan bahawa Syeikh Muhammad Sa’id telah menggunakan tiga buah karya ketika menghuraikan fadilat-fadilat tersebut iaitu *Tafsīr al-Jamal*, *Tafsīr al-Bayḍāwī*, *Tafsīr al-Khāzin*.

#### KARYA-KARYA YANG MEMPENGARUHI INTIPATI TEKS *TAFSĪR NŪR AL-IHSĀN*

Jadual 1 menjelaskan data-data yang telah dianalisis berpandukan kaedah ekserp dan telah mendapati bahawa teks *Tafsīr al-Jalālyn* mempengaruhi teks *Tafsīr Nūr al-Ihsān* sekerap 35 kali atau 13.6%, *Tafsīr al-Jamal* 116 kali atau 45%, *Tafsīr al-Bayḍāwī* 22 kali atau 8.5%, *Tafsīr al-Khāzin* 47 kali atau 18.2%, *Tafsīr al-Baghawī* 8 kali atau 3.1%, *Tafsīr al-Tabarī* dua kali atau 0.7%, *Tafsīr al-Qurtubī* 13 kali atau 5%, *Tafsīr al-Rāzī* lima kali atau 2%, *Tafsīr al-Nasafī* dua kali atau 0.7%, *Tafsīr Ibn Kathīr* enam kali atau 2.3%, dan *Tafsīr al-Tha’labī* dua kali atau 0.7%. Oleh yang demikian karya yang paling banyak mempengaruhi intipati teks *Tafsīr Nūr al-Ihsān* berdasarkan kaedah ekserp adalah *Tafsīr al-Jamal*.

Jadual 1. Senarai karya yang mempengaruhi intipati teks *Tafsīr Nūr al-Ihsān* berdasarkan kaedah ekserp

Bil	Karya	Sbb. Nuzul	Hadis	Israiliyat	Nasikh Mansukh	Fadilat	Juml.
01	<i>Tafsīr al-Jalālyn</i>	11	6	7	11	-	35
02	<i>Tafsīr al-Jamal</i>	30	3	78	3	2	116
03	<i>Tafsīr al-Bayḍāwī</i>	8	2	10	-	2	22
04	<i>Tafsīr al-Khāzin</i>	16	6	23	1	1	47
05	<i>Tafsīr al-Baghawī</i>	-	5	3	-	-	8
06	<i>Tafsīr al-Tabarī</i>	-	2	-	-	-	2
07	<i>Tafsīr al-Qurtubī</i>	4	7	2	-	-	13
08	<i>Tafsīr al-Rāzī</i>	5	-	-	-	-	5
09	<i>Tafsīr al-Nasafī</i>	1	1	-	-	-	2
10	<i>Tafsīr Ibn Kathīr</i>	-	6	-	-	-	6
11	<i>Tafsīr al-Tha’labī</i>	-	-	2	-	-	2
	<b>Jumlah</b>	<b>75</b>	<b>38</b>	<b>125</b>	<b>15</b>	<b>5</b>	<b>258</b>

#### KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, artikel ini menyimpulkan bahawa pendekatan intertekstual mempunyai kaedah yang tersendiri. Kaedah ini menggabungkan proses pengolahan, pembinaan dan pencernaan daripada dua aspek iaitu aspek dalaman dan luaran yang membina sesebuah karya. Aspek dalaman terlihat ketika pengarang menetapkan gaya

pentafsiran mengikut aspirasinya sendiri, manakala aspek luaran pula ialah apabila wujud karya-karya luar yang memberi kesan kepada teks yang ditulis. *Tafsīr Nūr al-Ihsān* merupakan sebuah karya tafsir yang telah dihasilkan oleh Syeikh Muhammad Sa’id bin Umar. Karya ini mendapat sambutan meluas bukan sahaja di Malaysia bahkan juga di Malaysia, Mesir dan Thailand setanding dengan tafsir kontemporari yang lain. Apa yang menarik tentang karya ini ialah gaya penyampaiannya yang ringkas bahkan mudah difahami oleh masyarakat dan juga dipenuhi dengan pelbagai maklumat dan ilmu pengetahuan. Gaya bahasanya yang mudah dapat menepati kehendak semua peringkat masyarakat dan sesuai digunakan oleh masyarakat madani moden seperti di Malaysia.

Pendekatan intertekstual mempunyai kaedah yang tersendiri. Kaedah ini menggabungkan proses pengolahan, pembinaan dan pencernaan daripada dua aspek iaitu aspek dalaman dan luaran yang membina sesebuah karya. Aspek dalaman terlihat ketika pengarang menetapkan gaya pentafsiran mengikut aspirasinya sendiri, manakala aspek luaran pula ialah apabila wujud karya-karya luar yang memberi kesan kepada teks yang ditulis. Pengaruh dalaman dapat dilihat dalam bentuk berikut;

Pertama, aspek bahasa dan struktur susunan teks. Bahasa yang digunakan ialah bahasa Melayu dialek Kedah yang bercampur dengan bahasa Arab. Walaupun istilah yang digunakan terkadang berbeza dengan bahasa Melayu Moden, namun ia adalah istilah yang digunakan di zaman Syeikh Muhammad Sa’id (Abdul Razak Abdul Rahman 2010: 2).

Kedua, Syeikh Muhammad Sa’id membentuk gaya penulisannya yang tersendiri ketika berkarya. Beliau memulakan setiap jilid *Tafsīr Nūr al-Ihsān* dengan *Bismillah*, ucapan puji-pujian kehadiran Allah s.w.t., dan berselawat ke atas Baginda s.a.w., di samping memperkenalkan status sesuatu surah sama ada *Makki* atau *Madani* sebelum memulakan tafsiran. Beliau juga menyelitkan *asbab* nuzul ayat, fadilat-fadilat, permasalahan fiqah, ayat *al-Mutashabihat*, *al-Nasikh* dan *al-Mansukh* serta kisah-kisah umat terdahulu di tempat yang sesuai dan beliau konsisten dengan cara ini hingga ke akhir surah.

Ketiga, Walaupun Syeikh Muhammad Sa’id merujuk kepada karya penting seperti *Tafsīr al-Jamal* dan *Tafsīr al-Khāzin* yang menjelaskan tafsirannya dengan panjang lebar, namun beliau kekal dengan metodologinya di mana telah mentransformasi isi-isi penting sahaja ke dalam karyanya itu.

Selain itu, pendekatan kaedah bacaan intertekstualiti menyatakan bahawa sesebuah teks tercipta berdasarkan teks-teks yang lain. Justeru, melalui analisis yang telah dibuat mendedahkan pengaruh luaran yang dapat dilihat dalam bentuk berikut;

Pertama, pengaruh teks terhadap teks *Tafsir Nūr al-Ihsān*. Syeikh Muhammad Sa'id telah merujuk 11 buah karya muktabar iaitu *Tafsir al-Jalālyn*, *Tafsir al-Jamal*, *Tafsir al-Bayḍāwī*, *Tafsir al-Khāzin*, *Tafsir al-Baghawī*, *Tafsir al-Tabarī*, *Tafsir al-Qurtubī*, *Tafsir al-Rāzī*, *Tafsir al-Nasafī*, *Tafsir Ibn Kathīr*, dan *Tafsir al-Tha'labī* dalam membahaskan 75 sebab nuzul ayat, 38 Hadis Nabawi, 125 kisah-kisah *al-isra'iliyyat*, 15 ayat al-Nasikh dan al-Mansukh serta lima fadilat yang sangat menarik minat masyarakat untuk mempelajari dan menghayatinya. Melalui kajian ini sumber ambilan bagi ke semua sumber tersebut telah dikenalpasti. Sekalipun pengarang tidak menyata sumber rujukan di dalam teksnya namun ia tidak membuktikan bahawa ia adalah semata-mata berdasarkan idea pengarang, ia merupakan sebuah karya yang sejajar dengan karya-karya muktabar. Oleh yang demikian, artikel ini membuktikan bahawa Syeikh Muhammad Sa'id dalam menghasilkan karya berjudul *Tafsir Nūr al-Ihsān* ini tidak menggunakan fakta-fakta yang tidak berasas atau menggunakan pendapat sendiri.

Kedua, sosio-budaya yang mempengaruhi penulisan teks. Pekerjaan utama masyarakat Kedah khususnya di Jitra adalah melakukan aktiviti bersawah. Hal yang demikian itu telah memberi kesan kepada penulisan teks *Tafsir Nūr al-Ihsān* di mana pengarang kerap menggunakan perkataan-perkataan yang berkaitan dengan pekerjaan tersebut seperti mengetam padi dan bendang ketika mentafsir ayat al-Quran.

Ketiga, pengaruh pendidikan yang dilalui oleh pengarang. Penggunaan perkataan Arab pada setiap teks karya menunjukkan bahawa pengarang terkesan dengan pendidikan yang dilalui di mana beliau pernah menuntut ilmu di Mekah *al-Mukarramah* dalam tempoh yang agak lama (Abdul Razak Hj. Othman 2012). Selain itu, struktur ayat pasif yang digunakan dalam penulisannya telah terkesan dengan pendidikan beliau di institusi pondok yang rata-rata menggunakan kitab Jawi lama yang berstruktur ayat pasif tersebut di samping institusi pondok yang tumbuh dengan pesat di waktu itu (Abdul Razak Abdul Rahman 2010: 2).

Secara kesimpulannya dapatlah dibuat ketetapan bahawa karya yang menjadi teks induk bagi *Tafsir*

*Nūr al-Ihsān* berdasarkan kaedah ekserp ialah *Tafsir al-Jamal* berdasarkan peratus kekerapan Syeikh Muhammad Sa'id merujuknya melebihi karya yang lain. Manakala *Tafsir al-Jalālyn*, *Tafsir al-Bayḍāwī*, *Tafsir al-Khāzin*, *Tafsir al-Baghawī*, *Tafsir al-Tabarī*, *Tafsir al-Qurtubī*, *Tafsir al-Rāzī*, *Tafsir al-Nasafī*, *Tafsir Ibn Kathīr*, dan *Tafsir al-Tha'labī* pula adalah teks hipogram baginya.

#### RUJUKAN

- Abd al-Karim Zaydan. 1996. *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Abd al-Latif. 1989. *al-Barahin al-Islamiyyah fi Radd al-Shubhat al-Farisiyyah*. t.tp. Maktabat al-Hidayah.
- Abdul Razak Abdul Rahman. 2010. Mengenali Tuan Haji Saaid Mufti Ulama Tersohor di Alam Melayu. Seminar Ulama Melayu. Shah Alam, 23 Mei.
- Abdul Razak Hj. Othman. 2012. Riwayat Hidup Syeikh Muhammad Sa'id. Alor Setar. temu bual, 07 Julai.
- al-Dhahabi, Muhammad Husayn. 1977. *Ilm al-Tafsir*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- al-Hakim, Muhammad bin 'Abd Allah Abu 'Abd Allah. 1417H/1997M. *Al-Mustadrak 'Ala al-Sahihyn*. Al-Qahirah: Dar al-Haramayn li al-Taba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Jamal, Sulayman bin 'Umar al-'Ujjayli. t.th. *Tafsir al-Jamal*. Mesir: 'Isa al-Babi al-Halabi.
- al-Khazin, 'Ala al-Din 'Ali Ibn Muhammad Ibn Ibrahim al-Baghdadi. 1339H/1979M. *Tafsir al-Khāzin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Asmad. 1987. *Kedah*. Melaka: Associated Educational Distributor (M) Sdn. Bhd.
- Dostoyevsky, F. 1975. *The Idiot*. David Magarshack (terj.). England: Penguin Books.
- Ibn Khaldun, 'Abd Rahman bin Muhammad. 2000. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar Sadir.
- Hawthorn, J. 2000. *A Concise Glossary of Contemporary Literary Theory*. London: Arnold.
- Harari, J.V. 1979. *Textual Strategies*. New York: Cornell University Press.
- Kristeva, J. 1980. *Desire in Language: A Simeotik Approach to Literature and Art*. Oxford: Basil Blackwell.
- Mana Sikana. 1999. *Teori dan Pendekatan Kususasteraan 1*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nazimi Zaim. 2010. Kajian Takhrij Hadis Dalam *Tafsir Nūr al-Ihsān*. (Disertasi Sarjana Yang Tidak Diterbitkan). Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Ismi bin Mat Taib. 2003. *Israiliyyat Dalam Tafsir: Kajian Terhadap Kitab Nur al-Ihsan*, Karya Haji Muhammad Sa'id bin 'Umar. Disertasi Sarjana Universiti Malaya.
- Muhammad Sa'id. 1391H/1970M. *Tafsir Nūr al-Ihsān*. Fatani: Matba'ah Bin Halabi.
- Nur al-Din 'Atar. 1996. *'Ulum al-Qur'an al-Karim*. Dimashq: Dar al-Hubl.
- Partini Sardjono. 1986. *Kakawin Gadjah Mada*. Bandung: Penerbit Binacipta.
- Siti Hajar Che Man. 2013. Bacaan Intertekstual. *Temu bual*. 18 Mac.

- Schmitz, T.A. 2007. *Modern Literary Theory and Ancient Texts: An Introduction*. Victoria: Blackwell Publishing.
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah. 2008. *Tafsir Tarjuman al-Mustafid: Kajian Intertekstual*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Malaya.

*Mohd Sholeh Sheh Yusuff*  
*Pelajar Ph.D.*  
*Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan*  
*Universiti Sains Malaysia*  
*11800 Pulau Pinang, MALAYSIA.*  
E-mail: [abuiffah@ymail.com](mailto:abuiffah@ymail.com)

*Mohd Nizam Sahad, Ph.D.*  
*Pensyarah Kanan*  
*Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan*  
*Universiti Sains Malaysia*  
*11800 Pulau Pinang, MALAYSIA.*  
E-mail: [nizamsahad@usm.my](mailto:nizamsahad@usm.my)

